



“Sejak menetap di ibu kota tiga tahun lalu, masalah sampah ini tidak pernah reda. Di Chow Kit, penghuni rumah pangsa mengambil jalan mudah untuk membuang sampah dengan membalingnya dari tingkat atas”

**Awie Mustafa**  
Kakitangan pasar raya



MOHD RADZI BUJANG | BERITA HARIAN

KOTOR: Kawasan pembuangan sampah di Lorong Liku Bangsar.

BH 16/5/01 ms 5

# Sampah cemar ibu kota

Masyarakat perlu ubah sikap bantu usaha kerajaan pelihara imej bandar raya sempena TMM'07

**K**UALA LUMPUR: Ketika kerajaan sibuk mempromosikan Malaysia kepada pelancong asing sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM'07), masalah sampah di sekitar ibu kota masih menjadi duri dalam daging yang sekali gus memberikan imej buruk kepada negara.

Walaupun pelbagai cara dan usaha sudah dilakukan untuk mengatasi masalah itu, ia seperti tidak berhasil kerana ada segelintir masyarakat yang masih mengamalkan sikap tidak bertanggungjawab dengan membuang sampah sesuka hati.

Tanpa memikirkan kesan dan akibatnya pada masa akan datang, ada sesetengahnya pula sanggup membuang sampah di kawasan yang tidak sepatutnya kerana bagi mereka apa yang penting adalah persekitaran kediaman mereka bersih.

Sebelum ini, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, pernah mengeluarkan kenyataan mengenai enam negeri yang dikenal pasti sebagai kawasan hitam kerana mengalami masalah alam sekitar memabitkan pencemaran sungai dan sampah sarap yang serius serta perlu diberi pemantauan rapi.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah antara enam negeri yang dikenal pasti selain Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Tinjauan *Sentral* ke beberapa kawasan sekitar ibu kota mendapati masih ada kawasan yang dibelenggu masalah sampah yang menjejaskan imej negara di mata pelancong asing iaitu Chow Kit dan Jalan Raja Laut.



**TIDAK BERTANGGUNGJAWAB:** Sampah yang tidak dipungut di Taman Prima Kepong.

Keadaan di sebuah rumah pangsa di Chow Kit yang berhampiran dengan sebuah pasar raya mendapati ia penuh dengan sampah yang dibuang di tepi jalan dan ditimbun di luar daripada tong sampah yang disediakan menyebabkan kawasan sekitar berbau busuk.

Bukan saja ia memberikan bau yang tidak menyenangkan, malah ia mengundang lalat dan tikus yang tentunya menyakitkan mata memandang sekali gus memberikan tanggapan yang tidak elok mengenai sikap rakyat negara ini kepada pelancong asing.

Tambah menjijikkan apabila jeantas yang sepatutnya memudahkan orang ramai untuk menyeberang jalan dipenuhi dengan bekas minuman yang dipenuhi dengan air kencing yang mendatangkan bau amat tidak menyenangkan.

Tidak cukup dengan itu, ada juga segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab membuang lampin

pakai buang di lorong jejantas itu. Itu belum diambil kira jumlah puntung rokok yang bertaburan di sepanjang jejantas itu.

Di Lorong Liku, Bangsar pula sampah yang tidak di kutip juga mengeluarkan bau yang busuk dan memberikan kesan yang tidak selesa kepada masyarakat sekitar tambahan pula tempat itu berhampiran dengan restoran.

Kebanyakan sampah yang dibuang adalah sampah domestik yang mengandungi sisa makanan dan mengundang banyak lalat di kawasan pembuangan sampah itu.

Di Taman Prima, Kepong, sampah dibuang di tepi perhentian bas yang hanya disediakan dengan beberapa tong sampah kecil dan ternyata tidak mampu menampung bilangan sampah domestik penduduk sekitar.

Penduduk sekitar pula terpaksa membuang sampah di tempat pembuangan

sampah yang penuh dengan timbunan sampah sarap berikutan sampah tidak dipungut pihak bertanggungjawab.

Di Jalan Persiaran Tun Perak, Cheras pula sampah sarap dan bahan buangan dibuang di tepi jalan yang mencacatkan pemandangan sepanjang jalan berkenaan.

Kakitangan pasar raya, Awie Mustafa, 27, berkata masalah sampah di ibu kota agak membimbangkan dan satu langkah drastik perlu diambil oleh pihak berkuasa tempatan untuk mengatasinya.

"Itulah yang menyebabkan sampah bersepeh di merata-rata tempat. Namun, setakat ini masih belum ada yang cedera berikutan masalah itu. Bagaimanapun, kontraktor sampah yang sentiasa mengutip sampah setiap hari membantu mengurangkan masalah ini," katanya.

Kontraktor, Edi Mukri, 30, berkata masalah sampah di sekitar ibu kota perlu ditangani dengan serius kerana ia memberikan kesan buruk kepada masyarakat dan negara berikutan negara menganjurkan TMM'07.

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu lebih efektif dalam mengatasi masalah sampah dengan menjalakan urusan mengangkut sampah lebih kerap pada setiap hari supaya sampah yang ada tidak terkumpul terlalu banyak dan mengeluarkan bau busuk," katanya.

Suri rumah, Lau Siew Hong, 30, berkata kerajaan sudah memainkan peranan berkesan untuk mengatasi masalah sampah di sekitar ibu kota tetapi mentaliti dan sikap masyarakat perlu diubah supaya usaha kerajaan itu tidak sia-sia.

"Jadi, saya harap penduduk negara ini boleh mengamalkan kehidupan yang bersih dan sihat seperti Singapura dan Jepun kerana ia pasti akan mendatangkan kebaikan kepada keluarga, masyarakat dan negara," katanya.



**“** Apa guna kerajaan laksanakan pelbagai kempen dan usaha untuk mewujudkan negara yang bersih dan sihat jika masyarakat masih lagi memilih untuk membuang sampah sesuka hati tanpa memikirkan kesannya pada generasi akan datang”



**KOTOR:** Chow Kít turut mengalami masalah sampah.



**JIIJK:** Sampah-sarap dan bahan buangan mencerminkan masyarakat tidak prihatin terhadap kebersihan.